

# 735 terima pingat Negeri Sembilan

» Abu Zahar  
ketuai senarai  
penerima darjah  
kebesaran

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bharian.com.my

■ Seremban

**Y**ang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang mendahului 735 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan ke-65 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, hari ini.

Abu Zahar bersama Pro-Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tan Sri Arshad Ayob menerima Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SUNS) membawa gelaran Datuk Seri Utama pada majlis penganugerahan di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah.

Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) membawa gelaran Datuk Seri dianugerahkan kepada Ketua Se-



Abu Zahar Ujang

tausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa; Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Seramai 12 individu dianugerahkan Darjah Datuk Paduka Negeri Sembilan (DPNS) membawa gelaran Datuk iaitu Timbalan Pengarah Cawangan Khas I Bukit Aman, Datuk Abdul Hamid Ba-



Zulkifli Zainal Abidin

dor; Ketua Pengarah Agensi Nuklear, Dr Muhamad Lebai Juri; Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Datuk Siti Mariah Ahmad; Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Razali Ahmad.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Muhammad Fuad Abu Zarim; ADUN Chembong, Zaifulbahri Idris; Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Teknologi Korporat Malaysia, Norhalim Yunus serta ahli perniagaan, Mahzan Ismail, Mat Tahir Sharif, Datuk Wira Sivajothi Muthiah Ra-



Zaini Ujang

jendram, Tan Boon Kang dan Yeo Hock Ho.

Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa gelaran Datuk diterima Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Tengku Datuk Baharuddin Tengku Bahadur serta ahli perniagaan, Tunku Zainuddin Tunku Hamzah dan Khong Kim Lyew.

Lapan belas individu lain menerima Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS), juga membawa gelaran Datuk, iaitu Dekan Fakulti Undang-Undang UKM, Prof Dr Aishah Bidin; Ketua Pengarah

Jabatan Bekalan Air, Dr Hasnul Mohamad Salleh; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Johani Hassan.

Turut menerima, Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor UKM, Prof Dr Othman A Karim; Panglima 1 Briged, Brig Jeneral Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan; Pengarah Kanan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Mathialakan Chellah; Pakar Perunding Radiologi Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, Dr V Subramanian; Konsultan Khazanah Nasional, Sati-nah Syed Salleh.

Seramai 24 individu menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), antaranya Pengarah Kastam Negeri Sembilan, Syed Mohri Syed Abu Bakar dan Pegawai Daerah Jempol, Wan Razali Wan Awang.

Empat individu menerima Darjah Tuanku Muhriz, Darjah Pekerti Terpilih (11), Ahli Setia Negeri Sembilan (92), Setiawan Tuanku Muhriz (5), Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (215), Pingat Jasa Kebaktian (324) dan Pingat Khidmat Lama (20).